

CNS3314

U GB 29-01 00138 BA998

aab

Mahathir - Raja

TIADA JAMINAN GENERASI AKAN DATANG KEKALKAN SISTEM RAJA

JITRA, 29 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tiada siapa yang boleh menjamin generasi akan datang dapat mengekalkan sistem beraja.

Perdana Menteri berkata tiada siapa yang tahu apakah yang ada dalam fikiran generasi akan datang walaupun kerajaan hari ini memberi jaminan akan mencuba seberapa daya untuk mengekalkan sistem beraja.

"Kita cuma boleh beri jaminan," katanya kepada pemberita selepas jamuan tengah hari di kediaman Pegawai Daerah Kubang Pasu di sini hari ini.

Sebelum itu Dr Mahathir, yang juga Anggota Parlimen Kubang Pasu, mengadakan perjumpaan dengan penduduk daerah itu di Dewan Jitra.

Beliau berkata, kerajaan akan mengekalkan sistem beraja melalui cara-cara yang tidak menimbulkan kebencian rakyat terhadap raja. -- Lagi

▼29/01/15-22MST

U GB 29-01 00149 BA006

aab

Mahathir - Raja 2 Jitra

Menurutnya, rakyat tetap menerima raja-raja yang tidak melakukan apa-apa yang bertentangan dengan undang-undang.

"Itulah sebabnya kita nak buat undang-undang (pinda Perlembagaan) supaya dengan adanya undang-undang dan dengan adanya perasaan takut kepada undang-undang, raja-raja tidak akan melakukan benda-benda yang tidak diinginkan," kata beliau.

Mengenai pindaan Perlembagaan bagi menghadkan imuniti Raja-raja yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, beliau belum menerima apa-apa maklumat terbaharu mengenai pendirian Raja-raja selepas Majlis Raja-raja menolak cadangan pindaan itu sebelumnya.

Menurut Perdana Menteri, setakat yang beliau tahu, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah juga belum menandatangani rang undang-undang pindaan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Parlimen itu.

Ketika diminta mengulas laporan mengenai pembabitan istana Pahang dan Johor dalam politik dan berkempen kepada rakyat, beliau berkata, langkah itu akan menjejaskan imej raja-raja. -- Lagi

▼29/01/15-55MST

CNS3354

U GB 29-01 00156 BA007

aab

Mahathir - Raja 3 Jitra

Beliau berkata, Perlembagaan tidak membenarkan raja-raja terlibat dalam politik, terutama politik parti, kerana pastinya pihak yang tidak bersetuju dengan mereka akan membuat kecaman hebat terhadap mereka dan politik mereka.

"Walaupun berpangkat Raja, dia akan dikecam, dipermain dan lain-lain. Memanglah perkara biasa dalam politik kita buat cara-cara semacam itu."

Perdana Menteri berkata, mereka mengadakan kempen kerana berpendapat dengan cara itu mereka akan mendapatkan sokongan rakyat.

"Rakyat sekarang ini sedar dan tidak akan menyokong hanya kerana mereka berkempen tetapi menyokong kalau raja berpegang kepada Perlembagaan," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan mengaku bersalah kerana selama ini terlalu "memanjakan raja-raja", beliau berkata: "Ini telah diakui bukan kali ini sahaja. Sedikit-sebanyak kita mengaku bersalah.

"Kerana hendak mengelak daripada ketegangan dengan pihak istana, kita terima benda-benda yang tak harus dibuat oleh istana...dengan itu maka benda-benda itu berlaku dengan lebih lagi." -- Lagi

▼29/01/16-02MST

CNS3355

U GB 29-01 00217 BA008

aab

Mahathir - Raja 4 (Akhir) Jitra

"Kita berharap dengan cara halus dapat kita menasihati (raja) dan mengatasi masalah ini, tetapi hakikatnya ialah cara itu dan pendekatan itu tidak berjaya," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya sehingga bila isu itu akan berlarutan, beliau berkata kerajaan tidak mahu isu itu berterusan tetapi pada masa yang sama ia tidak boleh menghalang rakyat daripada menyuarakan pendapat mereka.

"Hari ini nampak ramai yang menyuarakan pandangan mereka. Saya ingat bila dah dedah dan habis, saya fikir, tak ada lagilah," katanya.

Mengenai pandangan masyarakat antarabangsa mengenai isu itu, Dr Mahathir berkata setakat ini beliau telah membaca laporan dalam akhbar di Britain sahaja.

"Seperti mana yang kita tahu di Britain, mereka juga menghadapi masalah yang sama. Jadi, bagi mereka ini adalah sesuatu yang menunjukkan aliran zaman, iaitu apabila rakyat jadi terpelajar, mereka tak lagi dapat menerima cara-cara lama yang tidak lagi secocok dengan pemikiran dan nilai-nilai hidup zaman ini."

Ketika diminta mengulas laporan yang menyatakan Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Abdul Rahim Ramli telah meminta maaf kepada Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana bertindak membelakangkan kerajaan negeri dalam urusan membabitkan Sultan Johor, Dr Mahathir berkata, terpulang kepada kerajaan Johor sama ada mahu berpegang kepada apa yang telah dikatakan oleh Rahim. -- Bernama

▼29/01/16-03MST